

## **BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas soalan ini mengandungi enam soalan dan calon diminta memilih dan menjawab hanya satu soalan sahaja dalam masa tiga jam. Soalan 1 dan soalan 5 memerlukan calon melukis gambaran suasana tempat beserta dengan figura, manakala soalan 2, soalan 3 dan soalan 4 memberi tumpuan kepada gambaran suasana sahaja. Soalan 6 pula merupakan soalan berbentuk fantasi yang memerlukan calon berkarya menggunakan kekuatan daya imaginasi mereka.

## **PRESTASI KESELURUHAN**

Prestasi calon secara keseluruhannya pada tahap sederhana. Calon dapat menguasai kemahiran menggambar pada tahap yang tertentu. Bagi calon yang mempunyai tahap kemahiran yang tinggi, mereka dapat menjawab menepati kehendak soalan serta menghasilkan hasil yang bermutu dan matang. Sebahagian besar calon pula mendapat markah yang sederhana disebabkan terdapatnya kelemahan pada beberapa aspek menggambar. Bagi calon yang lemah dan berada di bawah tahap minimum, hasil kerja mereka tidak menampakkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh soalan dan hasil kerja dibuat secara sambil lewa sahaja.

## **PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

### **Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dapat jawab dengan menepati kehendak soalan. Penguasaan kemahiran calon dalam menjawab soalan berada di peringkat mutu yang tinggi dan matang. Calon dapat menghasilkan gambar dengan gubahan yang menarik, mengaplikasikan Asas Seni Reka sepenuhnya, kecekapan dalam penggunaan media dan teknik mewarna serta interpretasi soalan dengan sudut pandangan yang kreatif dan menarik. Calon dalam kumpulan ini dapat menepati sepenuhnya kriteria pemarkahan.

### **Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Calon dapat menjawab soalan tetapi masih menampakkan kelemahan pada beberapa aspek menggambar seperti gubahan, struktur ruang, aplikasi Asas Seni Reka, penggunaan media dan teknik mewarna, mood dan suasana serta sudut pandangan dalam gambar.

### **Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon dalam kumpulan ini mempunyai kelemahan hampir dalam semua aspek Menggambar. Calon tidak dapat menginterpretasi soalan dan tidak dapat menepati kehendak soalan serta memenuhi kriteria pemarkahan. Secara keseluruhan, calon dalam kumpulan ini tidak menampakkan kebolehan dan kemahiran dalam menghasilkan gambar walaupun pada peringkat umur calon yang berada di tingkatan lima.

## **PRESTASI TERPERINCI**

### **Soalan 1**

**Kelihatan dalam sebuah perpustakaan, buku-buku tersusun dengan rapi di atas rak. Terdapat sebuah komputer di satu sudut berhampiran dengan sebuah kaunter. Seorang pengawas perpustakaan sedang bertugas di kaunter tersebut. Di dinding pula terdapat tulisan `Membaca Jambatan Ilmu`.**

**Gambarkan keadaan ini.**

Bagi kumpulan cemerlang, calon dapat menggambarkan suasana dan ruang perpustakaan dengan perspektif yang betul, figura dan rak buku yang tepat kadar bandingnya. Mereka begitu kreatif dalam memilih sudut pandangan dan susunan objek yang menarik dalam perpustakaan.

Calon yang berada dalam kumpulan sederhana dan lemah pula, mereka tidak dapat timbulkan ruang menggunakan perspektif yang betul (satu titik lenyap dan dua titik lenyap). Objek dalam perpustakaan tidak tepat dari pandangan aras mata. Penghasilan figura lemah dari segi kadar banding.

Calon sering memilih sudut pandangan yang lazim. Figura tidak dilukis secara jelas dan dalam keadaan kadar banding yang tidak tepat. Calon juga tidak memahami atau mahir menggunakan perspektif untuk menimbulkan ruang. Teknik `rendering` dengan media yang dipilih terlalu lemah.

### **Soalan 2**

**Pada musim kemarau, sawah menjadi kering kontang dan tanah pula merekah. Tidak jauh dari situ terdapat kepulan asap dan api sedang membakar sebahagian kawasan tersebut.**

**Gambarkan keadaan bahagian depan, tengah dan belakang.**

Calon cemerlang dapat menstrukturkan ketiga-tiga ruang dengan jelas dalam lanskap yang dilukis. Calon berjaya menimbulkan suasana kemarau dengan elemen kering kontang dan tanah merekah serta kepulan asap melalui olahan, campuran dan teknik mewarna.

Calon dalam kumpulan lemah pula gagal menunjukkan ketiga-tiga ruang dalam gambar yang dihasilkan. Objek dalam gambar tidak jelas dari segi bentuk, rupa dan diskripsi. Calon tidak dapat menimbulkan suasana dan mood kemarau melalui `rendering` media yang dipilih atau yang digunakan.

Calon tidak dapat menunjukkan pembahagian ketiga-tiga ruang dalam lanskap. Mereka juga tidak dapat menggambarkan suasana kemarau melalui olahan dan campuran warna.

### **Soalan 3**

**Di dalam sebuah bilik air, kelihatan air paip mencurah ke dalam baldi dan melimpah ke atas lantai. Kelihatan berus kain, kotak sabun dan longgokan kain di sekitarnya.**

**Gambarkan keadaan ini dari jarak dekat.**

Calon cemerlang dapat menggambarkan suasana atau situasi sebenar berdasarkan pemerhatian dan pengalaman seharian dan dengan itu dapat menepati kehendak soalan. Calon menunjukkan kebolehan yang tinggi dalam menggambarkan objek dan suasana bilik air secara terperinci dari segi ruang, bentuk, warna dan kadar banding. Seterusnya dapat memilih sudut pandangan yang menarik.

Bagi calon dalam kumpulan lemah, mereka tidak dapat menunjukkan ruang dan suasana bilik air dengan jelas dalam hasil mereka. Terdapat objek yang dibuat kecil dan tidak tepat dari segi kadar bandingnya. Penggunaan warna dan gubahan bentuk agak lemah. Calon tidak menggunakan pemerhatian dan pengalaman harian mereka untuk menjawab soalan. Gambaran air yang mengalir sukar digambarkan oleh calon.

Calon tidak dapat menghasilkan sudut pandangan yang baik dalam gubahan mereka. Pandangan gambar dibuat dari jarak jauh dan struktur ruang tidak jelas pada bahagian lantai dan dinding bilik air. Kemahiran dalam mewarna dengan media yang dipilih lemah dan tidak kemas.

#### **Soalan 4**

**Di hadapan sebuah rumah tradisional Melayu, terdapat sebuah tempayan yang terletak di bahagian tepi tangga. Di keliling tempayan tersebut terdapat beberapa buah pasu bunga. Kelihatan beberapa pasang kasut dan capal (selipar) tersusun di atas anak tangga rumah tersebut.**

**Gambarkan keadaan ini.**

Kumpulan calon cemerlang dapat menggunakan unsur seni bina pada bahagian tangga untuk menimbulkan ciri-ciri tradisional dalam jawapan. Calon memberi fokus kepada bahagian tangga dan objek yang terdapat dalam soalan dan dibuat dengan teliti dan terperinci. Warna yang digunakan memang menunjukkan warna tradisional bagi rumah Melayu.

Calon dalam kumpulan lemah tidak fokuskan hasil kerja mereka dengan teliti. Hal ini begitu ketara apabila kedudukan tangga serta objek seperti selipar/capal, tempayan dan pasu bunga digambarkan dengan kurang jelas.

Calon memilih sudut pandangan dari jarak jauh dan menyebabkan rumah kelihatan kecil dalam ruang gambar. Unsur tradisional pada rumah dan tangga tidak ditonjolkan.

#### **Soalan 5**

**Di sebuah bengkel motor, seorang pelanggan sedang duduk di atas bangku kayu sambil memerhatikan seorang pekerja bengkel membaiki motosikalnya. Terdapat sebuah kotak besi yang berisi spanar, pemutar skru dan lain-lain alat yang tersusun rapi.**

**Gambarkan keadaan ini dari jarak dekat.**

Calon dalam kumpulan cemerlang dapat hasilkan bentuk motosikal secara terperinci dan figura yang tepat dari segi kadar bandingnya serta gaya dan aksi mengikut soalan. Suasana bengkel digambarkan dengan memasukkan objek yang sering terdapat di sebuah bengkel.

Kelemahan calon dalam menggambarkan figura dan motosikal dari segi kadar banding, diskripsi secara terperinci dan suasana bengkel ketara. Gambaran dari jarak dekat tidak digunakan dengan baik mengikut kehendak soalan.

Calon gagal menggambarkan suasana di sebuah bengkel. Calon memberi fokus kepada figura dan motosikal dalam ruang gambar dengan latar belakang yang kosong.

### **Soalan 6**

**Di sebuah kawasan yang ganjil, awan dan langit berwarna jingga dan habuk berwarna kemerah-merahan berterbangan. Terdapat sebuah kenderaan membawa beberapa makhluk yang menyerupai semut serta lengkap bersenjata. Makhluk tersebut membawa tangkapan yang besar dan menuju ke arah tempat tinggal mereka.**

**Gambarkan situasi ini dengan mengambil kira warna dan rupa bentuk makhluk serta objek tersebut.**

Calon cemerlang mempunyai imaginasi yang tinggi bagi menimbulkan suasana gambar yang ganjil. Pemilihan bentuk makhluk dan kelengkapan senjata serta warna yang cerah dapat menghidupkan lagi imaginasi calon. Hasil kerja yang dibuat bertepatan dengan kehendak soalan.

Bagi kumpulan lemah pula, walaupun calon dapat menyatakan imaginasi mereka, gambar makhluk, senjata dan pemilihan warna tidak dapat menimbulkan suasana yang ganjil dan luar biasa dalam hasil yang dibuat.

Makhluk dan objek lain dalam gambar tidak jelas dan dibuat terlalu kecil. Pemilihan warna dan imej yang digambarkan tidak dapat menghidupkan imaginasi calon dari segi suasana ganjil dan luar biasa.

### **SARANAN KEPADA CALON**

Calon haruslah memperbanyakkan latihan supaya dapat meningkatkan lagi kemahiran tentang perkara berikut:

1. Teknik warna yang berkesan melalui penggunaan media kering atau basah dan cara membuat 'rendering' yang berkesan di atas kertas.
2. Kajian figura manusia dan haiwan, objek alam dan objek buatan manusia secara tepat dan terperinci mengikut bentuk dan kadar banding yang betul.
3. Cara menstruktur ruang dan perspektif dalam gambar.
4. Memilih sudut pandangan yang sesuai bagi menimbulkan atau menghasilkan gubahan yang menarik.
5. Aplikasi Unsur Seni dan Prinsip Rekaan dalam gambar supaya dapat menimbulkan suasana, mood dan gubahan yang berkesan.
6. Calon perlu membuat persediaan sekurang-kurangnya seminggu selepas mendapat soalan peperiksaan, iaitu dengan memilih soalan mengikut kebolehan calon dan membuat rujukan serta latihan tentang soalan yang dipilih.

7. Jawapan calon hendaklah berasaskan kepada pemerhatian, pengalaman dan imaginasi, sesuai dengan kehendak soalan.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Menggunakan pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai, menarik dan berkesan bagi bidang mengambar.
2. Membimbing calon supaya dapat memahami kehendak soalan dengan itu dapat membuat interpretasi yang tepat dengan kehendak soalan.
3. Memberi banyak latihan kepada calon dengan memberi penekanan kepada aspek dan kemahiran yang diperlukan dalam membuat gambar.